

## **Bayar dengan UOBM Mighty**

### **Terma & Syarat**

#### **1. Terma Penggunaan**

1.1 Bayar dengan *UOBM Mighty* disediakan melalui Dompet Mudah Alih UOBM yang ditawarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (“UOBM”) kepada pelanggan yang memegang sekurang-kurangnya satu kad debit atau kredit Visa atau MasterCard UOB, yang dikeluarkan oleh UOBM.

Dompet Mudah Alih UOBM hanya boleh diakses dan digunakan melalui Aplikasi *Mighty* UOBM (“Aplikasi”) pada Peralatan yang serasi dengan Dompet Mudah Alih UOBM dan Aplikasi seperti yang dinyatakan dalam laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) dari semasa ke semasa .

1.2 Terma dan syarat ini (“Terma dan Syarat”) akan mentadbir pewujudan, pengaktifan, akses dan/atau penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM. Dengan mewujudkan, mengakses dan menggunakan Dompet Mudah Alih UOBM, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini. Jika anda tidak menerima mana-mana Terma dan Syarat ini, anda tidak boleh mewujudkan, mengakses dan menggunakan Dompet Mudah Alih UOBM.

1.3 Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan:

- (a) Perjanjian Ahli Kad UOB  
[http://www1.uob.com.my/personal/cards/cards\\_terms.html](http://www1.uob.com.my/personal/cards/cards_terms.html); dan/atau
- (b) Terma & Syarat Debit MasterCard UOB  
<http://www1.uob.com.my/assets/pdf/tnc/DebitMasterCard-tncbm.pdf>;

secara kolektif dikenali sebagai “Terma dan Syarat Lain”.

1.4 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Lain, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan berhubung dengan perkara yang berkenaan dengan Dompet Mudah Alih UOBM.

#### **2. Dompet Mudah Alih dan Mendigitalkan Kad anda**

2.1 Untuk menggunakan Dompet Mudah Alih UOBM, anda perlu mendigitalkan Kad anda dan menyimpannya secara elektronik dalam Dompet Mudah Alih (“Kad yang Didigitalkan”) di dalam Peralatan anda bagi memudahkan anda melakukan pembayaran tanpa sentuh. Kad yang Didigitalkan boleh digunakan untuk transaksi yang bernilai tidak lebih dari RM250 (“Nilai”). Anda boleh melakukan pelbagai transaksi yang tidak melebihi Nilai. Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada Had Kredit anda (seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian Ahli Kad UOBM) dan/atau Had Kad (seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Debit MasterCard UOBM) atau had lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggal kami. Jenis Kad yang boleh digunakan untuk Dompet Mudah Alih akan ditentukan oleh kami pada budi bicara tunggal kami dari semasa ke semasa.

- 2.2 Anda perlu mendigitalkan Kad anda mengikut arahan yang diberikan kepada anda melalui Aplikasi. Anda akan diminta untuk memilih PIN mudah alih bagi membolehkan Dompet Mudah Alih UOBM. Apabila Kad anda berjaya didigitalkan, maklumat akaun tertentu yang berhubung dengan Kad akan dihantar dan disimpan dalam Peralatan. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk keselamatan PIN mudah alih dan maklumat Kad yang telah dihantar dan disimpan dalam Peralatan selepas arahan pendigitalan dan pengaktifan telah diberikan.
- 2.3 Pada penamatan atau pemberhentian penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM, anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyahpasang dan/atau mengeluarkan semua Kad yang Didigitalkan dalam sebarang dan semua Peralatan anda.
- 2.4 Pada penamatan Akaun Kad berhubung dengan Kad yang Didigitalkan, anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyahpasang dan/atau mengeluarkan Kad yang Didigitalkan sedemikian dalam sebarang dan semua Peralatan anda.
- 2.5 Dengan mendigitalkan Kad anda, anda mewakili dan menjamin bahawa anda merupakan individu yang menerima Kad yang dikeluarkan oleh Bank. Anda bersetuju dan berjanji untuk menggunakan Kad yang Didigitalkan selaras dengan Terma dan Syarat ini, menerima risiko bahawa membolehkan Dompet Mudah Alih pada Peralatan anda boleh menyebabkan kemungkinan transaksi pembayaran tanpa sentuh yang tidak dibenarkan dengan menggunakan Kad yang Didigitalkan anda, dan anda hanya akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua transaksi pembayaran tanpa sentuh yang dilakukan menggunakan Kad yang Didigitalkan, walaupun PIN mudah alih atau Peralatan anda mungkin telah digunakan oleh mana-mana individu lain tanpa pengetahuan, kebenaran dan/atau persetujuan anda.
- 2.6 Kami boleh membenarkan anda untuk menambah Kad yang sama kepada beberapa Peralatan, namun demikian bilangan sebenar akan ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Anda mesti bersetuju dengan Terma dan Syarat ini setiap kali anda mendigitalkan Kad anda dalam mana-mana Peralatan anda. Atas sebab-sebab keselamatan, sekiranya anda menukar Peralatan, anda akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengeluarkan sebarang dan semua Kad yang Didigitalkan dalam Peralatan sedia ada yang anda tidak ingin gunakan. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang diakibatkan oleh penggunaan salah atau tidak sah bagi sebarang Kad yang Didigitalkan yang anda mungkin telah tinggalkan, abaikan dan/atau gagal untuk keluarkan.
- 2.7 Dompet Mudah Alih UOBM akan kekal sebagai milik kami. Dompet Mudah Alih UOBM dilesenkan kepada anda untuk penggunaan menurut Terma dan Syarat ini sahaja. Anda diberi lesen peribadi yang tidak eksklusif, tidak boleh dipindah milik, tidak boleh digunakan sebagai sublesen untuk membolehkan, mengakses dan menggunakan Dompet Mudah Alih dalam Peralatan anda. Dompet Mudah Alih dan Aplikasi mungkin juga termasuk perisian yang dilesenkan oleh pihak ketiga ("Pemberi Lesen Pihak Ketiga"). Anda tidak boleh menggunakan Dompet Mudah Alih dan Aplikasi yang melanggar hak Pemberi Lesen Pihak Ketiga dalam apa-apa cara sekalipun. Anda bertanggungjawab secara tunggal untuk penggunaan Dompet Mudah Alih dan Aplikasi. Hak anda di bawah lesen terhad yang diberikan di bawah Terma dan Syarat ini akan ditamatkan dengan serta-merta jika anda gagal mematuhi Terma dan Syarat ini, atau jika penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM ditamatkan oleh Bank atau anda sendiri.

### **3. Transaksi/Pembelian yang Dibenarkan**

- 3.1 Hanya anda seorang boleh menggunakan Dompet Mudah Alih. Anda tidak boleh membenarkan mana-mana individu lain untuk mengakses dan menggunakan Dompet Mudah Alih dan/atau PIN mudah alih anda untuk melakukan sebarang transaksi.
- 3.2 Semua transaksi yang dilaksanakan melalui Dompet Mudah Alih dengan menggunakan PIN mudah alih anda tidak boleh dibatalkan dan akan mengikat anda.

### **4 Kemas Kini Dompet Mudah Alih**

Kami boleh, pada budi bicara tunggal kami:-

- (a) mengemaskini Dompet Mudah Alih UOBM dan/atau Aplikasi dari semasa ke semasa. Kami akan memberi notis kepada anda sebelum kami mengemaskini Dompet Mudah Alih UOBM dan/atau Aplikasi; dan
- (b) menggantung dan/atau membatalkan Dompet Mudah Alih UOBM dan/atau Aplikasi dengan memberikan notis 21 hari kepada anda.

### **5 Keselamatan**

#### **5.1 Anda perlu pada setiap masa:**

- (a) menyimpan PIN mudah alih dan sebarang maklumat log masuk lain atau akses kepada Peralatan anda secara sulit pada setiap masa;
- (b) melakukan segala yang diperlukan untuk menyimpan PIN mudah alih dengan selamat dan mencegah penipuan dan/atau akses tanpa kebenaran atau penggunaan Kad yang Didigitalkan dan Kad Akaun anda;
- (c) mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk membantu memulihkan atau menghentikan penggunaan tanpa kebenaran bagi Kad yang Didigitalkan; dan
- (d) sekiranya berlaku kehilangan Kad yang Didigitalkan atau Peralatan, anda mesti memaklumkan kami mengenai kehilangan tersebut dan membuat laporan polis dengan serta-merta. Anda perlu menghantar salinan laporan polis kepada kami serta sebarang dokumen atau maklumat lain yang kami mungkin perlukan berkenaan dengan kehilangan tersebut.

#### **5.2 Anda perlu melaporkan kepada kami sebaik sahaja anda:**

- (a) mengesyaki atau menyedari bahawa PIN mudah alih atau Peralatan telah hilang, dicuri, disalahgunakan atau diubahsuai;
- (b) mengesyaki atau menyedari bahawa pihak ketiga mengetahui PIN mudah alih; atau
- (c) mengesyaki atau menyedari bahawa terdapat penggunaan tanpa kebenaran ke atas PIN mudah alih, Peralatan atau Kad yang Didigitalkan.

- 5.3 Sekiranya berlaku apa-apa kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN mudah alih, Kad yang Didigitalkan atau Peralatan anda, anda akan dianggap bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan oleh mana-mana individu yang menggunakan Kad yang Didigitalkan anda sehingga kami menerima pemberitahuan daripada anda mengenai kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN mudah alih sedemikian.
- 5.4 Terma dan Syarat ini akan mentadbir akses dan penggunaan Dompet Mudah Alih melalui Aplikasi oleh anda berhubung dengan kami. Anda mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan untuk penggunaan Dompet Mudah Alih dan Aplikasi dengan pihak ketiga yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal tanpa wayar dan pengendali rangkaian mudah alih anda. Anda bertanggungjawab untuk membaca dan memahami apa-apa terma dan syarat pihak ketiga. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang terma dan syarat yang anda bersetuju menerima dengan pihak ketiga untuk penggunaan Dompet Mudah Alih dan Aplikasi.

## **6. Pengantungan, Pembatalan dan Penamatkan Dompet Mudah Alih**

- 6.1 Kami berhak untuk menggantung, membatalkan atau menamatkan perkhidmatan Dompet Mudah Alih untuk apa-apa sebab pada budi bicara tunggal kami dengan memberikan notis 21 hari kepada anda. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami boleh menyekat, menggantung, membatalkan, menghalang, menamatkan, menyingkirkan atau menghentikan Dompet Mudah Alih anda pada bila-bila masa untuk apa-apa sebab dengan memberikan notis 21 hari kepada anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pelanggaran sebenar atau yang mungkin berlaku ke atas Terma dan Syarat ini atau Terma dan Syarat Lain.

## **7. Penafian dan Pengecualian Liabiliti**

- 7.1 Anda mewakili dan menjamin bahawa:
- anda mempunyai keupayaan dan kuasa undang-undang sepenuhnya untuk bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan untuk memberikan kami semua arahan berhubung dengan Perkhidmatan (khususnya, Perkhidmatan yang disediakan melalui Aplikasi) dan untuk mematuhi tanggungjawab anda di bawah Terma dan Syarat ini;
  - tanggungjawab anda di bawah Terma dan Syarat ini adalah sah, terikat dan boleh dikuatkuasakan; dan
  - anda tidak boleh menggunakan sebarang perkhidmatan kami untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 7.2 Anda dengan jelas bersetuju bahawa akses dan penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM melalui Aplikasi adalah atas risiko anda sendiri. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak memberi jaminan dan perwakilan atau aku janji dalam apa-apa bentuk, sama ada tersurat, tersirat atau berkanun, termasuk tetapi tidak terhad kepada, jaminan tersirat atau syarat kebolehdagangan, kualiti yang memuaskan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, ketepatan, kenikmatan aman sentosa, dan tiada pelanggaran hak pihak ketiga. Kami juga tidak memberi jaminan terhadap gangguan keseronokan anda, bahawa fungsi yang terkandung dalam, atau perkhidmatan yang dijalankan atau disediakan oleh Dompet Mudah Alih UOBM dan

Aplikasi akan memenuhi keperluan anda, bahawa operasi atau ketersediaan Dompet Mudah Alih UOBM dan Aplikasi tidak akan terganggu atau bebas daripada kesilapan, atau bahawa Dompet Mudah Alih UOBM dan Aplikasi akan bebas daripada kesilapan atau kerosakan.

- 7.3 Tanpa mengira apa-apa yang bertentangan yang terkandung dalam Terma dan Syarat Lain, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ganti rugi atau Kerugian ekonomi secara langsung, tidak langsung, sampingan, punitif, khas atau berturutan yang apa-apa sekalipun atau bagaimana sekalipun diakibatkan secara langsung atau tidak langsung yang berhubung dengan liputan rangkaian mudah alih yang lemah atau terganggu.
- 7.4 Tanpa menjelaskan keluasan makna sebarang peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh anda untuk sebarang dan semua tuntutan, tindakan, kerugian, ganti rugi, permintaan, liabiliti dan kos dalam apa-apa bentuk yang anda mungkin alami berhubung dengan Dompet Mudah Alih UOBM yang bagaimana sekalipun timbul (sama ada boleh dijangka secara munasabah atau tidak), walaupun jika kami telah dinasihatkan mengenai kemungkinan Kerugian, termasuk Kerugian daripada:
- (a) penggunaan tanpa kebenaran Dompet Mudah Alih UOBM,
  - (b) akses kepada atau penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM oleh sesiapa selain diri anda sendiri;
  - (c) kecurian atau kehilangan Peralatan anda di mana Dompet Mudah Alih UOBM dan/atau Aplikasi telah dipasang;
  - (d) penggantungan, penamatan atau pemberhentian Dompet Mudah Alih UOBM dan/atau Aplikasi.

## 8. Indemniti

- 8.1 Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat Lain, anda bersetuju untuk tidak menyalahkan kami dan untuk melindungi kami serta semua pekerja, kakitangan, penama, pengarah, pemberi lesen, penaja, sekutu dan agen kami terhadap sebarang Kerugian dan rasa malu yang dialami oleh kami (selain daripada Kerugian dan rasa malu yang timbul daripada kami atau salah laku sengaja atau kecuaian kakitangan dan agen kami) dari sebarang tuntutan atau permintaan, termasuk fi guaman yang wajar, yang dilakukan oleh pihak ketiga disebabkan oleh atau berhubung dengan:
- (a) akses dan/atau penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM, termasuk setiap transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad yang Didigitalkan;
  - (b) pemasangan, akses dan/atau penggunaan Aplikasi oleh anda.
  - (c) apa-apa pelanggaran Terma dan Syarat ini oleh anda;
  - (d) kami bertindak ke atas arahan yang dikatakan telah diberikan oleh anda kepada kami;
- 8.2 Indemniti ini akan terus kekal walaupun dengan penamatan hubungan anda dengan kami atau penggunaan Aplikasi oleh anda. Kami berhak untuk menganggap

pembelaan dan pengawalan untuk apa-apa perkara tertakluk kepada ganti rugi oleh anda, di mana anda akan bekerjasama dengan kami dalam menegaskan sebarang pembelaan yang tersedia.

**9. Am**

**9.1 Pengecualian**

Sebarang kegagalan atau kelewatan oleh pihak kami dalam melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini tidak dianggap sebagai pengecualian dan tidak memudarangkan atau menjelaskan hak kami selepas ini untuk bertindak tegas selaras dengan hak kami.

**9.2 Perubahan**

- 9.2.1 Kami berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara tunggal dan mutlak kami dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada anda.
- 9.2.2 Jika anda tidak menerima perubahan kepada Terma dan Syarat ini, anda mesti menghentikan akses anda untuk Dompet Mudah Alih UOBM, Aplikasi ini dan/atau penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan dalam Aplikasi dengan serta-merta. Jika anda terus mengakses dan menggunakan Dompet Mudah Alih selepas perubahan dikuatkuasakan, anda dianggap telah menerima perubahan tersebut tanpa syarat.

**9.3 Kejejasan Terma**

Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini diisyiharkan tidak sah, menyalahi undang-undang dan/atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah sebarang undang-undang yang digunakan, ia tidak akan menjelaskan dan/atau mengurangkan kesahihan, kesahan atau penguatkuasaan Terma dan Syarat lain. Semua peruntukan lain dalam Terma dan Syarat akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

**9.4 Keharaman**

Kami boleh menggantung, menutup dan menamatkan akses anda ke mana-mana Kad yang Didigitalkan, Akaun Kad atau Perkhidmatan tanpa memberi notis kepada anda akibat apa-apa perubahan kepada sebarang undang-undang, peraturan, keperluan peraturan dan/atau keputusan kehakiman, atau jika pada pendapat kami, mengekalkan dan/atau melaksanakan sebarang kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, atau kami sebaliknya dilarang daripada berbuat demikian. Walaupun dengan keadaan sedemikian, anda akan terus bertanggungjawab ke atas semua Liabiliti anda kepada kami yang terakru sebelum apa-apa keadaan yang dinyatakan di atas.

**9.5 Penyerahan Hak**

- 9.5.1 Terma dan Syarat ini akan mengikat anda dan kami serta pengganti atau pemegang serah hak kami. Terma dan Syarat ini akan mengikat walaupun:

- (a) kami menukar nama atau perlembagaan kami; atau
  - (b) kami disatukan atau digabungkan dengan entiti lain, di mana entiti tersebut akan menggantikan kami berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan semua Akaun Kad akan terus berkuat kuasa antara anda dan entiti tersebut.
- 9.5.2 Anda tidak boleh menyerah atau memindahkan hak dan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu.
- 9.6 Undang-undang yang Digunakan dan Prosiding

Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Anda bersetuju untuk menyerah secara muktamad kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

9.7 Tafsiran

**Akaun** merujuk kepada mana-mana akaun anda dengan kami pada masa kini atau masa hadapan dan apa-apa akaun yang digunakan bagi tujuan Dompet Mudah Alih UOBM dan dari mana dana boleh digunakan bagi penggunaan Dompet Mudah Alih UOBM, sama ada akaun dibuka secara tunggal atau bersama.

**“Aplikasi atau Aplikasi Mighty atau UOBM Mighty”** merujuk kepada aplikasi mudah alih dimiliki oleh kami yang anda boleh memuat turun dari App Store atau Google Play menggunakan telefon pintar atau tablet anda. Aplikasi *Mighty* membolehkan anda mengakses ciri-ciri seperti “Tempat Makan”, “Bayar” dan “Bank”. Ciri “Tempat Makan” membolehkan anda melakukan tempahan di restoran terpilih di Malaysia dan memberi ulasan mengenai restoran terpilih tersebut. Ciri “Bayar” membolehkan seorang pemegang akaun yang mempunyai kad kredit atau debit yang dikeluarkan oleh kami untuk mewujudkan dompet mudah alih maya menggunakan telefon pintar atau tablet untuk transaksi pembayaran tanpa sentuh di kedai-kedai yang mengambil bahagian tanpa menggunakan kad kredit atau debit yang fizikal. Ciri “Bank” membolehkan anda mengakses Akaun anda, melakukan permohonan dalam talian dan melaksanakan Transaksi menggunakan Perkhidmatan Pembayaran Bil, Perkhidmatan JomPAY and Perkhidmatan Pembayaran Berjadual.

**ATM** bermakna Mesin Juruwang Automatik atau mesin dikendalikan kad yang menerima Kad.

**Individu yang Dibenarkan** bermakna seseorang (sama ada secara bersendirian atau bersama dengan individu lain) yang anda benarkan dan yang kami luluskan untuk bertindak bagi anda atau bagi pihak anda untuk memberi sebarang arahan, melaksanakan atau menandatangani apa-apa dokumen atau mengendalikan Akaun Kad anda.

**Kad** bermakna mana-mana Kad Kredit UOBM dan/atau Debit Visa atau MasterCard UOBM utama atau tambahan.

**Akaun Kad** merujuk kepada mana-mana akaun yang berkenaan dengan Kad.

**Peralatan** bermakna sebarang peralatan, peranti atau medium elektronik, tanpa wayar, komunikasi, penghantaran atau telekomunikasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada Internet, mana-mana komputer atau peralatan mudah alih, peranti, terminal atau sistem yang mungkin diperlukan untuk mengakses dan menggunakan Dompet Mudah Alih UOBM dan/atau Aplikasi.

**Liabiliti** bermakna semua hutang, liabiliti atau kewajipan yang anda berhutang kepada kami pada masa kini atau masa hadapan, sama ada yang sebenar atau luar jangka, utama atau sampingan, berasingan atau bersama.

**Kerugian** termasuk tuntutan, tindakan, kerugian, ganti rugi, permintaan, liabiliti dan kos dalam apa-apa bentuk.

**Perkhidmatan Mudah Alih** bermakna perkhidmatan perbankan dan/atau produk yang kami tawarkan dari semasa ke semasa melalui medium Peralatan mudah alih yang membolehkan anda mengakses Akaun anda dan/atau melaksanakan perbankan dan/atau transaksi secara elektronik.

**PIN** bermakna kata laluan, ID log masuk, PIN (nombor pengenalan peribadi), CIN (nombor pengenalan pelanggan, yang terdiri daripada kod akses dan PIN), tandatangan atau kod pengenalan elektronik yang diberikan kepada, atau dipilih oleh anda atau Individu yang Dibenarkan yang digunakan untuk mengesahkan pengenalan anda atau Individu yang Dibenarkan apabila mengakses Akaun atau membolehkan dan/atau mengakses ciri-ciri atau aplikasi elektronik lain seperti Dompet Mudah Alih.

**Kami / kita / Bank** bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd dan akan termasuk pengganti dan penerima serah hak.

Bagi mengelakkan keraguan, di mana terdapat percanggahan antara makna perkataan yang dinyatakan di sini dengan Terma dan Syarat Lain, makna perkataan di sini akan digunakan apabila Terma dan Syarat ini dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Lain, berkenaan dengan perkara yang berhubung dengan Dompet Mudah Alih UOBM menurut Klausus 1.3.